

# Keng Yaik sambung belajar

Pengerusi Gerakan ambil jurusan undang-undang selepas serah jawatan

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

**K**UALA LUMPUR: "Saya mahu belajar serta mendapatkan ijazah undang-undang," itulah hasrat Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, ketika ditanya apa yang mahu beliau capai selepas bersara sebagai Pengerusi Gerakan yang disandangnya sejak 26 tahun lalu, Ahad ini.

Katanya, beliau memilih pengajian undang-undang kerana dengan ilmu itu beliau boleh berhujah bagi mempertahankan sebarang kes mahkamah terhadap dirinya.

"Saya disaman kiri, kanan, atas, bawah dan saya terpaksa bayar sendiri kepada peguam saya dan selepas itu mereka tidak bekerja untuk saya.

"Saya sudah menang dua kes besar mahkamah, wang sudah dibayar kepada peguam tetapi untuk kos mahkamah, satu sen pun tak dapat lagi.

"Sebab itu saya tidak mahu bergantung kepada peguam lain, sebab itu saya mahu jadi peguam," katanya pada sidang media selepas menjadi tetamu khas pameran fotografi mengenai dirinya di Menara PGRM,

Cheras, dekat sini, semalam.

Pameran itu dilancarkan Timbalannya, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon itu bagi memperingati tempoh 35 tahun Dr Lim berkecimpung dalam arena politik serta perkhidmatannya dalam kerajaan.

Dr Lim memilih ulang tahun kelahirannya yang ke-68, esok untuk menyerahkan jawatan politiknya secara rasmi kepada Dr Koh pada Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) parti itu,

Beliau bagaimana pun akan terus memegang jawatan Menteri Tenaga, Air, dan Komunikasi sehingga pilihan raya umum akan datang.

Dr Lim bagaimana pun, tidak tahu sama ada beliau masih boleh belajar lagi untuk meneruskan hasratnya itu.


"Kita lihatlah jika Universiti Terbuka Wawasan (milik Gerakan) menawarkan ija-

zah itu, saya harap dapat pengecualian menjadi penuntut dan memperoleh ijazah itu sebelum saya 'habis' (meninggal)," katanya.

Ditanya mengapa ijazah undang-undang menjadi pilihan, Dr Lim berkata, sebagai doktor perubatan beliau sememangnya mengimpikan menjadi seorang peguam.

**“Jika saya dilatih dengan undang-undang, maka saya boleh jawab sendiri, tak perlu lagi bayar kepada peguam”**

**Dr Lim Keng Yaik**  
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi



**JADI KENANGAN:** Koh memperkatakan sesuatu selepas perasmian pameran fotografi mengenai Dr Lim di Menara PGRM, Cheras, semalam.

Dr Lim juga berkata, beliau sebelum ini disaman dan terpaksa melantik peguam tetapi kecewa kerana tidak menerima kos mahkamah terhadap kes dimenangnya.

"Jika saya dilatih dengan undang-undang maka saya boleh jawab sendiri, tak perlu lagi bayar kepada peguam...semua orang mahu saman saya

kerana 'mulut besar' saya," katanya.

Dr Lim turut ditanya perasaannya menjelang dua hari persaraannya daripada jawatan nombor satu parti itu dengan menjawab: "Saya cuba tak mahu menangis," sambil menambah beliau juga seorang yang beremosi, walaupun sering dilihat sering berjenaka dan periang.

"Perasaan saya gembira kerana saya boleh letak jawatan dalam keadaan baik, tidak menjadikan masalah kepada orang di dalamnya, sebaliknya dalam keadaan parti yang bersatu padu dan stabil."

"Mereka pada peringkat kepimpinan tahu peranan parti di arena politik komponen BN," katanya.